

26 SEP 1998
BSKL-MINGGUAN
SAHAM KL DIJANGKA CATAT KEUNTUNGAN KECIL

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka mencatatkan keuntungan kecil minggu depan apabila pelabur-pelabur institusi terus berniaga untuk mengaut keuntungan.

Seorang wakil peniaga kanan dari firma sekuriti milik bank berkata pelabur institusi tempatan akan mengurangkan tempahan belian manakala kegiatan akan tertumpu pada urusan pembelian kaunter-kaunter terpilih.

Sentimen masih berhati-hati menjelang pembentangan belanjawan pada 23 Oktober ini serta jangkaan langkah-langkah selanjutnya yang akan diumumkan untuk memulihkan ekonomi seperti yang disebut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat.

Wakil peniaga itu berkata, pasaran akan menumpukan pergerakannya antara 380 dan 420 mata dengan jumlah dagangan masih sederhana.

"Saham perladangan dan saham berharga murah dijangka mendapat perhatian para pelabur minggu depan," katanya sambil menambah bahawa pelabur-pelabur akan membeli saham mewah kewangan dengan penuh berhati-hati.

Minggu ini, Indeks Komposit Kuala Lumpur bergerak dalam jajaran sempit dengan pelabur-pelabur tempatan membeli saham-saham berharga murah tetapi menarik secara kecil-kecilan.

Pelabur institusi pula sesekali keluar masuk pasaran untuk mengaut keuntungan disebabkan tempahan yang berkurangan manakala pelabur asing pula menjauhkan diri dari pasaran.

Indeks Komposit minggu ini ditutup pada 387.27, jatuh 6.03 mata daripada 393.30 minggu lalu.

Indeks Emas jatuh 1.5 mata kepada 102.27 manakala Indeks Perusahaan susut 6.82 mata kepada 764.41 dan Indeks Papan Kedua turun 2.2 mata kepada 94.13.

Jumlah dagangan keseluruhan minggu ini merosot kepada 792.828 juta saham bernilai RM1.169 bilion daripada 1.299 bilion saham bernilai RM1.600 bilion minggu sebelumnya.

Di papan utama, sejumlah 747.993 juta saham bernilai RM1.088 bilion bertukar tangan berbanding dengan 1.214 bilion saham bernilai RM1.475 bilion minggu lalu.

Dagangan langsung pula merosot kepada 14.407 juta saham bernilai RM29.465 juta daripada 34.510 juta saham bernilai RM46.200 juta sebelumnya.

Jumlah dagangan di Papan Kedua susut kepada 30.428 juta saham bernilai RM50.841 juta daripada 50.791 juta saham bernilai RM78.787 juta.

United Engineers mengekalkan kedudukannya sebagai kaunter paling cergas minggu ini dengan sejumlah 34.248 juta saham diniagakan. Kaunter tersebut jatuh enam sen kepada RM2.33.

Time Engineering, Ekran dan Econstates kesemuanya ditutup pada 89 sen minggu ini, masing-masing jatuh lima, sembilan dan 11 sen.

Sejumlah 21.062 juta saham Time Engineering bertukar tangan, 20.841 juta saham Ekran dan 16.817 juta saham Econstate.

Tenaga Nasional turun empat sen kepada RM3.76 (16.737 juta saham), Berjaya Group jatuh empat sen kepada 56 sen (16.618 juta saham), TA-W jatuh dua sen kepada 13 sen (15.642 juta saham), Technology Resources merosot enam sen kepada RM1.27 (14.586 juta saham), Sime Darby bagaimanapun meningkat 24 sen kepada RM2.72 (14.383 juta saham) dan MBf Holdings jatuh empat sen kepada 35 sen (13.278 juta saham).

Mengikut sektor, barangan pengguna diniagakan sebanyak 34.848 juta saham, barangan perusahaan 70.180 juta, pembinaan 95.198 juta,

dagangan/perkhidmatan 206.036 juta, prasarana 3.158 juta, kewangan 107.605 juta, hotel 2.526 juta, harta 122.357 juta, perladangan 24.346 juta, perlombongan 2.939 juta, amanah 542,000, dana tertutup 474,000, pinjaman 11.536 juta dan TSR/waran 66.246 juta.

-- BERNAMA

MFZ MA